

## Pelan Easi-Payment UOB TERMA DAN SYARAT

Berkuat kuasa 17 Julai 2023

### Am

Terma dan syarat ini ("Terma dan syarat") akan mentadbir pelan Easi-Payment UOB ("Program") yang ditawarkan oleh United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Pendaftaran Syarikat: 199301017069 (271809-K)) ("UOB Malaysia") dan Terma dan Syarat ini harus dibaca bersama dengan *UOB Visa/Mastercard Cardmember Agreement* ("Perjanjian Ahli Kad").

Dengan menyertai Program ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian Ahli Kad, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai untuk semua perkara yang berkaitan dengan Program ini. Melainkan ditakrifkan secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang sama seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Ahli Kad.

### Program Pelan Easi-Payment UOB

#### Kelayakan

1. Program ini ditawarkan kepada semua Ahli Kad baharu dan sedia ada yang akaun(-akaun) mereka adalah semasa dengan Had Kredit sedia ada yang mencukupi, sah, wujud dan dalam kedudukan kredit yang baik seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia dan tidak melanggar Perjanjian Ahli Kad ("Ahli Kad yang Layak").
2. Berikut adalah tidak layak untuk Program ini: -
  - i. Semua Ahli Kad Debit, Korporat, Pemerolehan dan Label Peribadi UOB Malaysia; dan/atau
  - ii. Ahli Kad yang akaun(-akaun) mereka telah ditamatkan, digantung atau dibatalkan pada bila-bila masa semasa permohonan untuk Program; dan/atau
  - iii. Ahli Kad yang akaun(-akaun) kad mereka dengan UOB Malaysia adalah tertunggak atau didapati tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia; dan/atau
  - iv. Ahli Kad yang tidak waras atau menjadi tidak waras, meninggal dunia, dihukum bankrap atau mempunyai apa-apa jua prosiding undang-undang yang dikenakan terhadap mereka.
3. Apabila Ahli Kad memohon untuk Program ini, Ahli Kad akan dianggap telah membaca dan menerima Terma dan Syarat ini.

#### Ciri Program

4. Program ini membenarkan Ahli Kad menukarkan transaksi-transaksi runcit untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang menggunakan Kad Kredit kepada pelan ansuran bulanan tetap, tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian ini. Ini bermakna Ahli Kad membayar balik jumlah transaksi tersebut dalam beberapa bilangan ansuran bulanan tetap.

#### Permohonan

5. Ahli Kad Yang Layak boleh memohon Program ini dengan:
  - i. membuat permohonan secara lisan kepada pasukan telepemasaran UOB Malaysia; atau

- ii. menghantar/membalas kata kunci Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") kepada kod pendek UOB Malaysia (caj telekomunikasi standard akan dikenakan untuk setiap SMS yang dihantar dan caj tersebut akan ditanggung oleh Ahli Kad yang Layak); atau
  - iii. memohon melalui saluran digital UOB Malaysia dan/atau aplikasi mudah alih; atau
  - iv. sebarang bentuk yang lain yang kami tetapkan untuk membuat Permohonan sedemikian.
6. UOB Malaysia boleh meluluskan atau menolak mana-mana permohonan tanpa memberi sebarang sebab untuk keputusan tersebut.
  7. **Jumlah pembelian minimum** yang layak untuk penukaran di bawah Program ialah RM500 untuk satu transaksi runcit dan/atau jumlah minimum terkumpul sebanyak RM500 **untuk maksimum 5 transaksi runcit yang belum dibilkan**, dan tidak boleh melebihi had kredit sedia ada bagi Akaun Kad Kredit Ahli Kad. ("Permohonan").
  8. Ahli Kad yang Layak boleh mengemukakan lebih daripada satu (1) Permohonan dengan jumlah minimum RM500 bagi setiap Permohonan. Jumlah minimum mungkin diubah pada bila-bila masa oleh UOB Malaysia dengan pemberian notis bertulis terlebih dahulu yang mencukupi mengenai perubahan tersebut.
  9. Program ini tidak terpakai kepada tunai dan transaksi yang berasaskan tunai, jumlah transaksi runcit kurang daripada jumlah minimum yang ditetapkan, sebarang amaun ansuran sedia ada yang perlu dibayar di bawah UOB Malaysia atau institusi kewangan lain, fi tahunan, baki tertunggak atau caj lain yang mungkin dikenakan oleh UOB Malaysia di bawah Perjanjian Ahli Kad.
  10. Transaksi runcit adalah sah untuk Program jika transaksi telah didebitkan kepada Akaun Kad Kredit Ahli Kad tetapi belum dicatatkan dalam penyata akaun semasa yang merupakan sebahagian daripada baki tertunggak yang perlu dibayar semasa penukaran kepada Program.
  11. Pilihan Tempoh Program adalah seperti berikut (tertakluk kepada perubahan oleh UOB Malaysia dengan memberikan notis bertulis awal yang mencukupi kepada Ahli Kad):

Jumlah Permohonan	Pilihan Tempoh	Kaedah Kadar Faedah
RM500 dan ke atas	3 atau 6 bulan	Faedah Pendahuluan Sekali
(Sehingga maksimum 5 transaksi yang belum dibilkan bagi setiap tempahan)	12, 24, 36, 48 atau 60 bulan (tertakluk kepada kelayakan)	Kadar Faedah Rata

12. Setelah permohonan ini diluluskan di bawah Program ini, jumlah EPP akan tertakluk kepada kadar faedah yang dipersetujui ("Kadar Faedah EPP") dalam sepanjang tempoh Pelan Easi-Payment ("Tempoh Ansuran EPP").
13. Caj piawaian telekomunikasi akan dikenakan bagi setiap SMS yang dihantar oleh Ahli Kad yang Layak dan caj tersebut akan ditanggung oleh mereka.
14. Setelah UOB Malaysia menerima permohonan Program daripada Ahli Kad melalui SMS, Ahli Kad akan dianggap telah memberikan persetujuan mereka kepada UOB Malaysia untuk menukar transaksi runcit untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang disahkan kepada ansuran bulanan yang dipilih. Ahli Kad akan menerima balasan SMS automatik jika UOB Malaysia menerima Permohonan Program Ahli Kad melalui SMS.
15. Setelah Permohonan diluluskan, jumlah yang sepadan dengan Had Kredit Ahli Kad yang berkaitan akan diperuntukkan untuk tujuan ini, dan baki Had Kredit sedia ada akan dikurangkan dengan sewajarnya. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang ditolak oleh pedagang disebabkan oleh Had Kredit yang tidak mencukupi. Had kredit akan dikembalikan semula secara beransur-ansur mengikut pembayaran balik Jumlah EPP yang diluluskan.

16. Untuk setiap Ahli Kad, tarikh kuat kuasa Program ("Tarikh Kuat Kuasa Program") adalah tertakluk kepada tarikh penukaran Jumlah EPP yang berjaya mengikut Permohonan masing-masing.
17. Setelah Permohonan Program diterima dan disahkan, Ahli Kad tidak dapat meminda/ mengubah tempoh, ansuran bulanan/ jumlah pembelian separa dan/atau sepenuhnya yang telah ditukar di bawah Program (yang mana berkenaan) dan/atau ansuran bulanan sebaik sahaja Permohonan Program diluluskan.
18. Ahli Kad menanggung liabiliti bayaran untuk cukai atau levi pada tarikh kelulusan Permohonan Ahli Kad untuk Program ini atau pada bila-bila tarikh selepas tarikh kelulusan Permohonan Ahli Kad untuk Program, adalah diwajibkan di sisi undang-undang yang dibayar kepada mana-mana perbadanan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa atas UOB Malaysia, berkenaan dengan sebarang fi dan caj yang dikenakan atau ditanggungoleh UOB Malaysia berkenaan dengan Program yang ditawarkan kepada Ahli Kad.
19. Ahli Kad memberi kebenaran dan bersetuju bahawa sebarang cukai atau levi lain yang dikenakan oleh UOB Malaysia berkenaan dengan Program yang ditawarkan oleh UOB Malaysia kepada Ahli Kad, akan ditanggung oleh Ahli Kad dan dicajkan kepada Ahli Kad dan sekiranya UOB Malaysia membuat pembayaran bagi pihak Ahli Kad, Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik UOB Malaysia untuk jumlah yang telah dibayar, dan UOB Malaysia berhak mengkreditkan cukai, duti dan levi tersebut ke dalam Akaun Kad Kredit.
20. Melainkan dinyatakan sebaliknya, Ganjaran UNIRingggit atau sebarang bentuk mata ganjaran dan/atau pulangan tunai tidak akan diberikan dalam Program ini.

#### Pembayaran balik

21. Jumlah ansuran EPP pertama dan kadar faedah EPP yang berkaitan akan dibilkan dengan sertamerta kepada Akaun Kad Kredit Ahli Kad UOB Malaysia pada Tarikh Kuat Kuasa Program.
22. Jika jumlah Ansuran EPP tidak dibayar sepenuhnya pada Tarikh Akhir Pembayaran, akaun akan menjadi tertunggak dan Caj Kewangan sehingga 1.5% sebulan atau sehingga 18% setahun atau kadar faedah terkawal semasa akan dikenakan ke atas baki ansuran yang masih belum dibayar pada tarikh akhir pembayaran mengikut Perjanjian Ahli Kad sehingga keseluruhan jumlah ansuran diselesaikan.
23. Program ini akan dibayar balik dalam jumlah ansuran bulanan serata ("Ansuran Bulanan EPP") sepanjang Tempoh Ansuran EPP. Ansuran Bulanan EPP akan dibilkan kepada Akaun Kad Kredit Ahli Kad dan dipaparkan dalam penyata akaun bulannya dan perlu dibayar oleh Ahli Kad mengikut terma dan syarat yang berkaitan.
24. Faedah EPP untuk Faedah Pendahuluan Sekali dan Kadar Faedah Rata dikira berdasarkan Kadar Faedah EPP yang dipersetujui berdasarkan kaedah pembayaran balik garis lurus.

**Berikut adalah contoh faedah EPP pada kaedah pembayaran balik garis lurus: -**

#### A. Faedah Pendahuluan Sekali

Ahli Kad memilih jumlah EPP sebanyak RM600 untuk tempoh 6 bulan dengan kadar faedah EPP yang berkaitan sebanyak 2.99%. Di bawah Program ini, ansuran bulanan EPP yang perlu dibayar selama 6 bulan ialah RM100.00

BULAN	Prinsipal Tertunggak (RM)	Pembayaran Balik Prinsipal (RM)	Pembayaran Faedah (RM)
1	600.00	100.00	17.94
2	500.00	100.00	-
3	400.00	100.00	-
4	300.00	100.00	-
5	200.00	100.00	-
6	100.00	100.00	-

<b>Jumlah</b>		<b>600.00</b>	<b>17.94</b>
---------------	--	---------------	--------------

25. Faedah Pendahuluan Sekali akan dibilkan, didebitkan dan dipaparkan dalam Penyata Akaun Bulanan Ahli Kad bersama dengan ansuran bulanan pertama pada tarikh pemberitahuan transaksi Program yang diluluskan.

### B. Kadar Faedah Rata

Ahli Kad memilih Jumlah EPP sebanyak RM6, 000 untuk tempoh 12 bulan dengan Kadar Faedah Rata yang berkaitan sebanyak 3.99% setahun. Di bawah Program ini, ansuran bulanan EPP yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan ialah RM500.00 dan jumlah pembayaran balik pada akhir tempoh 12 bulan tersebut ialah RM6,239.40.

BULAN	Prinsipal Tertunggak (RM)	Pembayaran Balik Prinsipal (RM)	Pembayaran Faedah (RM)	Ansuran Bulanan (RM)
1	6,000.00	500.00	19.97	519.97
2	5,500.00	500.00	19.97	519.97
3	5,000.00	500.00	19.97	519.97
4	4,500.00	500.00	19.97	519.97
5	4,000.00	500.00	19.97	519.97
6	3,500.00	500.00	19.97	519.97
7	3,000.00	500.00	19.97	519.97
8	2,500.00	500.00	19.97	519.97
9	2,000.00	500.00	19.97	519.97
10	1,500.00	500.00	19.97	519.97
11	1,000.00	500.00	19.97	519.97
12	500.00	500.00	19.97	519.97
<b>Jumlah</b>		<b>6,000.00</b>	<b>239.40</b>	<b>6,239.40</b>

26. Komponen prinsipal dan faedah yang dikenakan kepada Ahli Kad pada setiap bulan adalah sama sepanjang tempoh ansuran EPP.
27. Jika berkenaan, ansuran bulanan EPP untuk bulan terakhir ("Ansuran Pembayaran Akhir") mungkin berbeza. Disebabkan oleh ketepatan pembundaran, Ansuran Pembayaran Akhir akan dijanakan dengan jumlah yang sama dengan jumlah prinsipal tertunggak, agar jumlah Ansuran Bulanan EPP bagi semua ansuran adalah sama dengan jumlah amaun yang ditukar termasuk pembayaran faedah yang berkenaan.
28. Tempoh EPP dan/atau Ansuran Bulanan EPP tidak boleh diubah tanpa persetujuan UOB Malaysia dan tertakluk kepada kelulusan.
29. Jika Ahli Kad tidak membayar balik baki penyata Akaun Kad Kredit sepenuhnya, Ansuran Bulanan EPP yang dibilkan kepada Akaun Kad Kredit akan dikenakan Caj Kewangan sehingga 1.5% sebulan atau sehingga 18% setahun atau kadar faedah terkawal semasa berdasarkan kadar berkenaan daripada tarikh pengebilan sehingga Ansuran Bulanan EPP telah dibayar.

### Penamatan Awal atau Pembatalan

30. Ahli Kad boleh membatalkan penyertaan mereka dalam Program ini tertakluk kepada penerimaan notis bertulis atau lisan oleh UOB Malaysia daripada Ahli Kad. Ahli Kad mesti memberi notis melalui kaedah berikut:
- i. e-mel kepada [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my); atau
  - ii. menghubungi Pusat Perhubungan UOB Malaysia pada talian 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881 121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching) atau 088-477 121 (Kota Kinabalu).

31. Jumlah bersamaan sehingga 5% daripada baki prinsipal tertunggak ("Penalti Penamatan Awal") akan dikenakan dengan serta-merta jika mana-mana perkara berikut berlaku:
  - i. Ahli Kad menamatkan atau menghentikan Program dengan membuat pembayaran penuh sebelum Tempoh Ansuran EPP tamat; atau
  - ii. Ahli Kad membatalkan Akaun Kad Kredit sebelum Tempoh Ansuran EPP tamat; atau
  - iii. UOB Malaysia menamatkan atau menutup Akaun Kad Kredit Ahli Kad.
32. Sekiranya berlaku penyelesaian awal, faedah EPP yang dikenakan tidak akan dikembalikan.
33. Selepas penutupan Akaun Kad Kredit UOB Malaysia menurut Perjanjian Ahli Kad, Program ini akan ditamatkan dengan serta-merta dan Ahli Kad bertanggungjawab untuk menjelaskan semua baki tertunggak dan fi yang dikenakan oleh UOB Malaysia di bawah Program ini sepenuhnya.
34. Selain itu, apabila salah satu atau lebih daripada peristiwa-peristiwa berikut berlaku:
  - i. Terdapat pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini;
  - ii. Jika berlaku peristiwa keingkaran di bawah Perjanjian Ahli Kad;
  - iii. Kelewatan atau kegagalan untuk membayar sebarang jumlah wang yang perlu dibayar di bawah Program ini;
  - iv. Kegagalan untuk membayar sebarang wang pada Tarikh Akhir Pembayaran atau untuk melaksanakan sebarang tanggungjawab atau liabiliti yang perlu dibayar oleh Ahli Kad dari semasa ke semasa kepada UOB Malaysia mengikut mana-mana perjanjian dengan UOB Malaysia atau mana-mana kemudahan perbankan/kredit;
  - v. Kad Kredit ditamatkan atau Akaun Kad Kredit ditutup/digantung untuk apa-apa sebab sekalipun;
  - vi. Ia menjadi mustahil atau menyalahi undang-undang bagi UOB Malaysia untuk menyediakan atau terus menyediakan Program ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada apabila Ahli Kad meninggal dunia, menghadapi kebangkrutan atau ketidakupayaan sah Ahli Kad, atau bahawa mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini diisytiharkan oleh mahkamah atau pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagai terbatal, boleh dibatalkan atau tidak dapat dilaksanakan;

jumlah tertunggak di bawah Program ini perlu dibayar serta-merta dan akan menanggung Caj Kewangan sehingga 1.5% sebulan atau hingga 18% setahun atau kadar faedah terkawal semasa berdasarkan Perjanjian Ahli Kad. Kegagalan untuk membuat pembayaran tersebut juga akan memberi hak kepada UOB Malaysia untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menyekat penggunaan Kad Kredit dan justeru itu menggabungkan semua jumlah tertunggak ke dalam Akaun Kad Kredit Prinsipal.

35. Sekiranya berlaku kegagalan pembayaran ansuran untuk empat (4) bulan berturut-turut atau lebih, Ahli Kad mesti membayar balik semua wang yang perlu dibayar dan terhutang di bawah Program (termasuk sebarang Caj Kewangan, jumlah prinsipal yang belum dibilkan dan semua wang lain yang perlu dibayar di bawah Program) kepada UOB Malaysia dengan serta-merta.

### Terma dan Syarat Am

36. Ahli Kad perlu memperolehi penjelasan daripada wakil sah UOB Malaysia sekiranya terdapat sebarang terma dan syarat yang tidak difahami oleh Ahli Kad.
37. UOB Malaysia tidak membuat perwakilan atau jaminan berkenaan dengan item yang dibeli di bawah Program ini, dan khususnya, tidak memberikan jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian untuk sebarang tujuan. Ahli Kad akan menyelesaikan semua pertikaian atau perbezaan mengenai kualiti atau kuantiti atau kesesuaian untuk tujuan barangan atau perkhidmatan dengan pedagang masing-masing secara langsung. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang barangan atau perkhidmatan yang tidak memuaskan, rosak atau cacat atau sebarang pertikaian di antara Ahli Kad dan pedagang.
38. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan melainkan jika ia disebabkan oleh kecuaihan melampau atau salah laku yang disengajakan oleh UOB Malaysia, UOB Malaysia dengan tegas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa batasan kepada apa-apa yang diterbitkan di mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang

jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Program ini.

39. UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menamatkan, menarik balik, menambah, memadam, menggantung, melanjutkan atau mengubah terma dan syarat ini (termasuk mengubah kadar, tempoh, cara dan masa pembayaran dan/atau kaedah pengiraan dalam apa jua cara) dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagiannya, dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum (di mana keperluan tersebut diwajibkan) kepada Ahli Kad melalui penyiaran di laman web UOB Malaysia, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia dan/atau penyata dalam Penyata Akaun.
40. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Program oleh UOB Malaysia tidak akan memberi hak kepada Ahli Kad untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia ke atas sebarang dan keseluruhan kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad sama ada sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatan tersebut, melainkan jika ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja UOB Malaysia yang berkaitan dengan Program ini.
41. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penyalahgunaan atau penyalahgunaan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Program yang diterbitkan di mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan. Semua aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama-sama dengan barang-barang di mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan adalah untuk tujuan hiasan sahaja, dan bukan merupakan sebahagian daripada barang yang ditawarkan kepada Ahli Kad.
42. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan menafikan semua liabiliti terhadap sebarang tindakan, tuntutan, kerugian, ganti rugi, kos, caj, dan perbelanjaan yang mungkin dialami, dihadapi atau ditanggung oleh Ahli Kad dan/atau mana-mana pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Program ini melainkan jika ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja UOB Malaysia yang berkaitan dengan Program ini.
43. Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsir selaras dengan mengikut undang-undang Malaysia.

**[TAMAT]**